Dream Cruises Lancar Tayangan Perdana "*Forever Broadway"* di atas kapal Genting Dream dengan Kerjasama Broadway Asia International.









Sempena sambutan ulang tahun ke-10 Dream Cruises, *Forever Broadway* akan ditayangkan di atas Genting Dream mulai 5 Jun 2026, menampilkan lagu-lagu dan persembahan teater muzikal ikonik.

8 Jun 2026 (Singapura) – **Dream Cruises** mengumumkan pelancaran **"*Forever Broadway"*,** sebuah persembahan muzikal dan tarian bertaraf dunia yang bakal dipentaskan secara eksklusif di atas kapal persiaran ***Genting Dream*** **mulai 5 Jun 2026 sempena sambutan ulang tahun ke-10 Dream Cruises**.

Buat pertama kalinya, **Dream Cruises dan Broadway Asia International** berganding bahu membawa pengalaman Broadway ke lautan melalui "*Forever Broadway"*, sebuah persembahan yang direka khas untuk penonton Asia.

Menampilkan lagu-lagu muzikal ikonik seperti *"New York, New York", "Dancing Queen", "Grease Lightning", "Tonight" dan "On Broadway",* persembahan ini menggabungkan nyanyian, tarian dan produksi pentas berskala besar dengan iringan muzik orkestra khas yang dirakam untuk *Genting Dream.*

"Forever Broadway" diterajui oleh StarDream Cruises melalui jenama Dream Cruises di bawah kepimpinan bahagian hiburan yang diketuai oleh **Encik Colin Kerr, Naib Presiden Kanan Hiburan, dan Sviatlana Burkun, Naib** Presiden Hiburan, bersama Broadway Asia International.

Produksi berskala besar ini turut direalisasikan dengan sokongan pasukan visual, audio dan teknikal dalaman StarDream Cruises yang membentuk pengalaman teater imersif khas untuk persekitaran kapal persiaran.

Pasukan kreatif antarabangsa yang menjayakan "*Forever Broadway"* diketuai oleh penerbit Broadway terkenal **Simone Genatt** dan **Marc Routh**, bersama Pengarah dan Koreografer **James Gray** serta Associate Director/Choreographer **Naomi Kakuk**.

Barisan persembahan turut menghimpunkan gabungan unik bakat Broadway antarabangsa bersama penghibur residen terpilih daripada kapal-kapal persiaran Dream Cruises dan StarCruises di bawah StarDream Cruises.

Sebagai sebahagian daripada pengalaman "*Forever Broadway*", Dream Cruises turut bekerjasama dengan **Design Orchard Singapore bersama jenama fesyen Bohème by Véro, Frey dan Raja Rani** bagi menampilkan hasil kreativiti pereka tempatan Singapura dan serantau. Pilihan pakaian dan aksesori digunakan dalam persembahan "*Forever Broadway*" serta dipamerkan menerusi pertunjukan fesyen penutup di atas kapal. Para tetamu juga boleh membeli koleksi terpilih di Souvenir Mart (Dek 6) sebagai kenangan.

> *"Industri biburan terus berkembang dan para tetamu hari ini sentiasa mencari pengalaman yang unik serta memberi kelainan,"* **kata Michael Goh, Presiden StarDream Cruises**. *"Melalui kerjasama bersama Broadway Asia International, kami membawakan kehebatan Broadway ke atas kapal dengan menggabungkan bakat antarabangsa, penghibur residen serta kepakaran produksi StarDream Cruises untuk memberikan pengalaman istimewa kepada para tetamu.*

Menurut **Simone Genatt, Pengasas dan Creative Producer Broadway Asia International**, *"Forever Broadway"* merupakan sebuah persembahan muzikal bertaraf tinggi yang menggabungkan kehebatan Broadway dengan pengalaman hiburan kelas pertama di atas Genting Dream sempena sambutan ulang tahun ke-10 Dream Cruises. "*Saya yakin persembahan Broadway yang penuh tenaga ini akan menyentuh hati penonton Asia serta membuatkan mereka terus terhibur dengan nyanyian dan tarian sepanjang persembahan eksklusif ini,"* katanya. *"Daripada impian Broadway ke dunia Dream Cruises, produksi istimewa ini menampilkan koleksi lagu-lagu antarabangsa yang dipilih khas, sekali gus menghidupkan keajaiban dan pesona Broadway di tengah lautan."*

Bersempena pelancarannya, satu sesi pratonton khas telah diadakan ketika Genting Dream berlabuh di Singapura, memberi peluang kepada pengamal media dan rakan industri menyaksikan "*Forever Broadway"* secara eksklusif buat pertama kali. Sebagai sebahagian daripada usaha penglibatan komuniti, Dream Cruises turut mengalu-alukan kehadiran keluarga serta sukarelawan daripada **Singapore Red Cross** untuk bersama-sama menikmati pengalaman istimewa ini.

Dipersembahkan secara eksklusif di **Genting Dream mulai 5 Jun 2026**, "*Forever Broadway"* menjemput para tetamu menikmati karya-karya muzikal Broadway yang dihidupkan semula melalui persembahan imersif di tengah lautan.

Tempah pelayaran anda sekarang di www.StarDreamCruises.com

StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran Asia

Dilancarkan secara rasmi pada 26 Mac 2025, StarDream Cruises menggabungkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran, memulakan era baharu pelayaran luar biasa merentasi Asia dan destinasi sekitarnya. Jenama ini menampilkan dua kategori utama, StarCruises dan Dream Cruises. Masing-masing menawarkan pengalaman unik yang mengekalkan legasi terdahulu sambil meningkatkan standard pelayaran bertaraf dunia di Asia.

StarCruises memberikan pengalaman pelayaran gaya hidup yang mampu milik kepada pasaran Asia melalui kapal bersaiz sederhana seperti Star Voyager dan Star Navigator, manakala Dream Cruises menawarkan pengalaman pelayaran mewah dengan kapal besar seperti Genting Dream yang ditempatkan di Singapura sepanjang tahun, berlayar ke pelbagai destinasi di Asia Tenggara.

Dengan pengalaman luas dalam hospitaliti dan pelayaran, StarDream Cruises komited untuk mendefinisikan semula pengalaman pelayaran bagi pelbagai segmen pasaran melalui tawaran yang disesuaikan mengikut keperluan demografik berbeza.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:-

(Mr) Ong Hsieh Lien
ong.hsiehlien@stardreamcruises.com

(Ms) Cherry Yip
cherry.yip@stardreamcruises.com

(Ms) Mandy Lam
mandy.lam@stardreamcruises.com